

Meritokrasi, kemahiran ICT persediaan hadapi globalisasi

34 2 JUL 2002

KANGAR, Isnin - Kerajaan menumpukan kepada kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta meritokrasi bagi menyediakan rakyat dan negara menghadapi cabaran globalisasi.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamad, berkata langkah itu adalah sebahagian usaha kerajaan memastikan rakyat mahir dan mampu bersaing dalam era globalisasi, termasuk menjelang pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Pada masa ini, ada ke-bimbangan di kalangan kakitangan awam dan rakyat mengenai Afta dan WTO, tetapi kerajaan sudah menyediakan perancangan untuk kita mengharungi globalisasi ini," katanya kepada pemberita selepas berceramah pada Seminar Kecemerlangan Pengurusan Pihak Pekerja Dalam, Perkhidmatan Awam di sini, hari ini.

Seminar itu anjuran Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Mustapa berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya mengubah persepsi masyarakat antarabangsa terhadap globalisasi dan memperlahankan pengaruhnya ke atas negara membangun.

"Ini memberi ruang kepada negara membangun bernafas dan mengatur rancangan persediaan. Bagi Malaysia, kita berusaha meningkatkan kecukupan dan saingan seperti menekankan kemahiran ICT dan meritokrasi," katanya.

Selain itu, Mustapa berkata, Malaysia sudah menyenaraikan cabaran yang dibawa bersama proses globalisasi dan bersedia menanganinya.

Beliau berkata, pengu-kuhan juga dilakukan dalam sektor perbankan negara apabila 37 bank digabung menjadi 10 serta pengstrukturian semula syarikat.

"Kerajaan memandang serius isu globalisasi kerana Malaysia adalah negara ketiga di dunia selepas Singapura dan Hong Kong yang bergantung kepada perdagangan," katanya.

Mengenai industri beras negara selepas AFTA dikuatkuasakan, beliau berkata ia dikategorikan sebagai 'industri sensitif' dan perlu ditangani dengan berhati-hati.

"Bagaimanapun, perlu ada usaha meningkatkan produktiviti dan menurunkan kos pengeluaran," katanya.